



# Buletin Hospital Kota Marudu Bil 1 Tahun 2022

## “PKRC MARUDU INN & DEWAN KOMUNITI”

Merujuk kepada laman web [frontiersin.org](https://frontiersin.org) yang bertajuk “COVID-19 Epidemic in Malaysia: Epidemic Progression, Challenges, and Response” yang ditulis oleh Hashim JH, Adman MA, Hashim Z, Mohd Radi MF & Kwan SC (2021) menyatakan wabak COVID-19 gelombang ke-3 bermula pada awal bulan Oktober 2020 dengan mencatatkan kenaikan kes paling tinggi dari Sabah iaitu sebanyak 8,082 kes, Daerah Kota Marudu tidak terkecuali menerima kesan daripada kenaikan kes secara mendadak. Sehubungan dengan itu, Pusat Kuarantin Dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Kota Marudu mula beroperasi pada 21 Oktober 2020 bertempat di Hotel Marudu Inn.



### ARTIKEL MENARIK

#### COVID\_19

PKRC Marudu Inn & Dewan Komuniti .....	4
Aktiviti Pembukaan & Penutupan Wad Covid & Balai Pelawat .....	6

#### PENGARAH HOSPITAL KOTA MARUDU

Majlis Serah Tugas Pengarah Hospital Kota Marudu .....	8
Majlis Perpisahan & Jasamu Dikenang Pengarah Lydiarita M. Marajin .....	9
Gambar-Gambar Majlis Perpisahan Pengarah Dr. Lydiarita .....	10

#### AKTIVITI TAHUN 2022

Lawatan Tapak Cadangan Penempatan Peralatan Perubatan MDCT HKM.....	14
Benchmarking dari Hospital Ranau Ke Unit Rawatan Harian Thalasemia HKM.....	15
Lawatan Pasukan Naziran Seksyen ICT JKNS ke HKM .....	16
Lawatan Penyeliaan Ketua Perkhidmatan Obstetrik Dan Ginekologi, Ketua Perkhidmatan Anestesiologi dan Pegawai Bahagian Perubatan JKNS.....	17
Sambutan Hari Kejururawatan HKM Tahun 2022 .....	18
Lawatan Kerja Pengarah Perkembangan Perubatan KKM Ke HKM .....	20
Sambutan Hari Raya HKM Tahun 2022 .....	21

#### AKTIVITI TAHUN 2021-2020

Program Bebas Aedes & Gotong Royong Perdana Perumahan Kerajaan HKM Tahun 2021 ....	22
Penerimaan Sijil Aktiviti Kualiti HACCP & GMP.....	23
Go Fit Don't Quit.....	24

# PERUTUSAN PENGARAH



## *"Salam Sejahtera"*

*Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada seluruh warga Hospital Kota Marudu, atas komitmen, kesungguhan, dan kerja keras berpasukan yang telah ditunjukkan kerana kita telah berjaya mengharungi pandemik COVID-19. Mari kita bersama-sama mengucapkan kesyukuran kepada Tuhan.*

*Sepanjang pandemik COVID-19, pelbagai aktiviti hospital telah tergendala. Tahun 2022 merupakan fasa peralihan di mana kita berusaha untuk kembali melaksanakan aktiviti pra pandemik disamping keperluan dan cabaran untuk integrasi teknologi dalam kerja-kerja harian. Saya berharap kita dapat beralih kepada era pasca pandemik dengan jayanya.*

*Tahniah dan syabas diucapkan kepada warga editor Buletin Hospital Kota Marudu kerana telah berjaya untuk menerbitkan buletin Hospital bagi tahun 2022. Harapan saya agar buletin ini menjadi pembakar semangat bagi warga kerja HKM menambahbaik aktiviti yang bakal dilaksanakan pada masa akan datang, dan pada masa yang sama buletin ini menjadi kenangan terindah kita bersama-sama.*

*Pisang emas bawa belayar,  
Masak sebiji di atas peti,  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi dibawa mati.*

*Kalau ada sumur di ladang,  
Boleh saya menumpang mandi,  
Kalau ada umur yang panjang,  
Boleh kita berjumpa lagi.*

***Dr Samson BD Mokuntil***

*Pengarah*

*Hospital Kota Marudu*

# SIDANG REDAKSI



## PENAUNG

Dr. Samson BD Mokuntil

## PENYELARAS & REKABENTUK GRAFIK

Joseph Tai Jern Cherng

## EDITOR

1. Rita Binti Amril
2. Elsie Binti Benjamin
3. Siti Rohanah Abd. Mahid
4. Jelny Okinting
5. Paul Bin Maison
6. Ruslina Samaron

7. Cornelia William Matthew @ Mauren
8. Joseph Tai Jern Cherng
9. Zafari Ibrahim
10. Jovinia Binti Jaikol
11. Hamadi Bin Kimjulis
12. Mastura Nabilla Sabunar Abdullah

## **Pusat Kuarantin Dan Rawatan COVID\_19 (PKRC) Marudu Inn**

Marudu Inn merupakan sebuah hotel yang terletak di kawasan Pekan Goshen, Kota Marudu. Hotel tersebut telah diwartakan sebagai PKRC bagi menempatkan pesakit-pesakit yang disahkan positif COVID\_19 kategori satu dan dua sahaja.

Pengarah Hospital Kota Marudu iaitu Dr. Lydiarita M. Marajin pada ketika itu telah melantik seorang Liason Officer (LO) iaitu En. Paul Maison, Penolong Pegawai Perubatan untuk menyusun atur PKRC Marudu Inn. Walaupun dalam keadaan yang amat tertekan, PKRC Marudu Inn dapat dibuka dengan kadar segera diiringi kekuatan anggota kesihatan

seramai enam orang iaitu Penolong Pegawai Perubatan seramai tiga orang dan jururawat seramai tiga orang.



*PKRC KOTA MARUDU (MARUDU INN) MULA BEROPERASI  
PADA 21 OKTOBER 2020.*

## **Pengoperasian PKRC Marudu Inn**



PKRC Marudu Inn beroperasi dalam skala kecil dengan kapasiti maksimum 40 katil. Kelengkapan alat perubatan diperolehi daripada Hospital Kota Marudu. Pihak perkhidmatan sokongan hospital banyak membantu dalam menyediakan keperluan linen kepada pesakit dan juga anggota yang bertugas.

Tidak terkecuali para petugas keselamatan juga turut banyak membantu menjaga dan meronda keselamatan kawasan PKRC Marudu Inn. Dalam keadaan pandemik tidak menghalang orang perseorangan dan agensi-agensi menghulurkan bantuan makanan dan minuman kepada anggota yang bertugas dan juga pesakit-pesakit yang dikuarantin.

Biarpun PKRC sudah mula beroperasi namun dengan keadaan kes yang semakin meningkat tidak mampu menampung jumlah kemasukan dalam kapasiti yang ramai, sekaligus menyebabkan pesakit terpaksa dihantar ke PKRC berdekatan iaitu di PKRC Kota Belud dan PKRC Kudat.

Atas kekangan dan keperluan perkhidmatan, pada Disember 2020, pengurusan PKRC Marudu Inn mula diambil alih oleh PPK zafari sebagai Liason Officer (LO) yang baru. Memandangkan Marudu Inn akan diambil alih semula oleh pemilik untuk tujuan pengubahsuaian bangunan, PKRC Dewan Komuniti dibuka untuk menempatkan pesakit COVID\_19 dengan bantuan kemudahan peralatan oleh NADMA.

## **PKRC Dewan Komuniti Kota Marudu**

*Bermula pada Mac 2021, PKRC Marudu Inn dengan rasminya berpindah ke PKRC Dewan Komuniti. Pesakit-pesakit COVID\_19 yang ada dipindahkan ke lokasi baru dengan kolaborasi ambulan hospital dan juga pihak anggota Sukarelawan Pertahanan Awam (APM). Mesin X-Ray mudah alih ada disediakan bagi memudahkan penilaian kesihatan para pesakit COVID\_19.*

*PKRC Dewan Komuniti menyediakan 40 katil pesakit COVID\_19 iaitu 20 katil untuk pesakit lelaki dan 20 katil lagi untuk pesakit perempuan, tiada wad isolasi seperti sebelumnya. Setiap wad mempunyai 8 tandas dan bilik mandi. PKRC ini hanya menempatkan pesakit-pesakit*



*COVID\_19 tahap 1 hingga tahap 3 sahaja dan untuk pesakit-pesakit COVID\_19 tahap 4 dan 5, pesakit demikian akan dipindahkan ke Wad Covid HKM atau Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu mengikut keterukkan yang dialami disamping mengikut arahan pakar perubatan yang dirujuk.*

*Sepanjang PKRC Dewan Komuniti beroperasi, Semua keperluan pesakit ditanggung dan dibekalkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dari sudut makanan dan fasiliti. Selain itu terdapat juga sumbangan dari beberapa “non-govermental organization” (NGO) tempatan untuk kegunaan dan keselesaan pesakit seperti bantal, tilam, katil dan juga kipas.*

*Di PKRC Dewan Komuniti ini juga terdapatnya “Patient Admission Centre COVID\_19” (PAC). Pusat ini dikendalikan hasil kolaborasi kakitangan dari Jabatan Pesakit Luar dan Unit Kecemasan Dan Trauma serta Unit Radiologi HKM.*

*Selama Pembukaan PKRC Marudu Inn dan PKRC Dewan Komuniti, seramai 263 pesakit telah ditempatkan dan dirawat hingga sembuh di pusat kuarantin ini, yang terdiri daripada 147 pesakit lelaki dan 116 pesakit perempuan. Jumlah pesakit luar daerah yang diterima di pusat ini pula seramai 45 kes dari Daerah Kudat dan 12 kes dari Daerah Pitas dan selebihnya merupakan pesakit dari Daerah Kota Marudu.*

*Bermula April 2021 PKRC Kota Belud telah membuka lebih banyak kapsiti bilik untuk rawatan pesakit COVID\_19, dengan itu kes-kes COVID\_19 tahap 1 hingga 3 dari Daerah Kota Marudu telah dihantar ke PKRC Kota Belud untuk rawatan dan isolasi. PKRC Dewan Komuniti telah di tutup sepenuhnya pada tanggal 14 April 2021.*

## PEMBUKAAN WAD COVID\_19 BALAI PELAWAT



Pada awal Oktober 2020, Negeri Sabah mencatatkan jumlah kes positif COVID\_19 paling tinggi di Malaysia mengikut laporan statistik daripada MKN.



Daerah Kota Marudu tidak terkecuali menerima kes COVID\_19 daripada kenaikan kes secara mendadak ini, oleh yang demikian Wad COVID\_19 Balai Pelawat Hospital Kota Marudu telah dibuka pada 5 Oktober 2020 untuk menempatkan kes COVID\_19 katogeri 1 dan 2.

Pengarah Hospital Kota Marudu iaitu Dr. Lydiarita M. Marajin telah melantik KJ Jalinang Engki untuk menyusun atur Wad COVID\_19 Balai Pelawat Hospital Kota Marudu dengan kadar segera untuk menampung penempatan pesakit COVID\_19 kategori 1 dan 2 yang semakin meningkat setiap hari. Seramai 5 orang Jururawat Terlatih dan seorang Ketua Jururawat telah ditugaskan di Wad COVID\_19 Balai Pelawat Hospital Kota Marudu.



Wad COVID\_19 Balai Pelawat Hospital Kota Marudu beroperasi dengan kapasiti maksimum adalah 12 katil dengan kelengkapan alat-alat perubatan diperolehi daripada Hospital Kota Marudu dan sebahagian barang-barang keperluan seperti katil, kipas dan alat-

alat elektrik diperolehi daripada sumbangan NGO. Hospital Support Service juga banyak membantu dalam penyediaan linen dan menjaga kebersihan Wad COVID\_19 Balai Pelawat.

## PEMBUKAAN WAD COVID\_19 II



Walaupun dalam keadaan tertekan pada musim pandemik ini ramai individu dan agensi-agensi bukan kerajaan yang menghulurkan bantuan dari segi makanan, minuman dan barangan keperluan harian kepada pesakit-pesakit yang dikuarantin dan anggota-anggota yang bertugas.

Disebabkan peningkatan kes yang berterusan menyebabkan Wad COVID\_19 Balai Pelawat tidak dapat menampung jumlah pesakit baru yang ramai sekaligus dan memerlukan bantuan oksigen maka Wad COVID\_19 II telah dibuka pada 13/9/2021 (di Wad Lelaki) dengan kapasiti maksimum 20 katil dan seramai 4 orang jururawat terlatih dan 4 orang jururawat masyarakat telah ditugaskan di Wad COVID\_19 II. Pada masa yang sama Wad COVID\_19 Balai Pelawat juga dinaikkan kapasitinya kepada 20 katil. Pada bulan November 2021 Wad COVID\_19 II telah ditutup kerana kes jangkitan COVID\_19 telah menunjukkan penurunan, manakala Wad COVID\_19 Balai Pelawat masih beroperasi seperti biasa, walau bagaimanapun Wad COVID\_19 II telah dibuka sekali lagi pada bulan Februari 2022 dengan kapasiti 20 katil kerana peningkatan kes dan Wad COVID\_19 Balai Pelawat tidak dapat menampung pesakit yang terlalu ramai.

Pada awal bulan April statistik dari MKN menunjukkan penurunan kes di Sabah dan pesakit COVID\_19 kategori 1 dan 2 semakin berkurangan maka Wad COVID\_19 II telah ditutup manakala Wad COVID\_19 Balai Pelawat ditutup sepenuhnya pada awal bulan Mei 2022.

Disediakan Oleh: KJ Elsie Binti Benjamin

## Majlis Serah Tugas Pengarah Hospital Kota Marudu

Majlis serah tugas Pengarah Hospital Kota Marudu telah berlangsung pada tarikh 17.11.2021 yang bertempat di Bilik Pengarah Hospital Kota Marudu pada jam 10.00 pagi.

Majlis ini juga turut dihadiri oleh YBhg Datuk Dr Abd Kahar Abd Asis Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Sabah (Perubatan) dan sebagai Saksi Serah Tugas mewakili Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.

Majlis ini juga dilaksanakan secara Video Conference (VC) yang dihadiri oleh semua ketua unit serta warga kerja Hospital Kota Marudu sebagai pemerhati. Pengarah Hospital Kota Marudu Dr Lydiarita M. Marajin telah berkhidmat sebagai Pengarah bermula pada 2013 - 2021. Beliau akan melanjutkan pelajaran

Master in Hospital Administration di Universiti of the Philippines 14.12.2021 - 13.12.2022 (12 Bulan).



### MAJLIS SERAH TUGAS PENGARAH HOSPITAL KOTA MARUDU BERLANGSUNG PADA 17 NOVEMBER 2021.

## Pengarah Hospital Kota Marudu Baru



Nama Pengarah Hospital yang baru YBrS Dr Samson BD Mokuntil adalah Pengarah dari Hospital Beluran. Di mana sebelum ini beliau pernah berkhidmat di Hospital Kota Marudu sebagai Pegawai Perubatan tahun 2013 dan dilantik Timbalan Pengarah (Pengurusan) 2017.

Diantara pesanan dan amanat yang disampaikan oleh YBhg Datuk Dr Abd Kahar Abd Asis dalam ucapan yang disampaikan kepada semua warga hospital adalah kepentingan semua penjawat awam mengambil vaksin yg

lengkap untuk kebaikan seperti keselamatan persekitaran kerja dan melindungi diri dan orang di sekeliling kita terutamanya Warga Kementerian Kesihatan yang bertugas menjaga orang sakit.

Ketua Jabatan berhak untuk mengambil tindakan Surat Tunjuk Sebab sekiranya ada di kalangan kakitangan yang tidak mengambil vaksin covid ini. Sekiranya surat tunjuk sebab tidak munasabah, tindakan tatatertib akan dikenakan dengan Buang Kerja kerana ingkar perintah.

YBhg Datuk Dr Abd Kahar juga mengucapkan Tahniah dan terima kasih kepada Mantan Pengarah yang telah menabur bakti sepanjang 8 tahun berkhidmat di hospital ini. Selamat Bertugas juga kepada Pengarah baru dan akan dapat memajukan lagi Khidmat Kesihatan di Hospital Kota Marudu yang telah digazetkan sebagai Lead Kluster Kota Marudu.

Majlis telah selesai pada jam 11.30 pagi.

Disediakan Oleh: Pn. Rita Binti Amril

## Majlis Perpisahan & Jasamu Dikenang Pengarah Lydiarita M. Marajin



Majlis diadakan pada 26.11.2021 bertempat Hotel Hexan, Kota Marudu bermula jam 7.00 malam sehingga 10.00 malam. Majlis ini dianjurkan oleh Unit Pengurusan Hospital Kota Marudu yang diketuai oleh CC Rita Amril kerjasama dengan Unit Kejuruteraan En Mohd Yusof Bin Arsad, Unit Kejururawatan PJ Katherine Yong dan Unit ICT En Joseph Tai Jern Cherng.



Kehadiran terdiri daripada Pengarah baru YBrs Dr Samson BD Samson, Jemputan Khas Fasiliti Manager Sedafiat Sdn Bhd En Masrin Arripuddin dan pegawainya, semua ketua unit/wad, jemputan kakitangan hospital dan juga barisan pelaksana dari Unit Pengurusan.



Kehadiran dan jemputan yang hadir adalah terhad mengikut kapasiti dewan kerana masih mengamalkan SOP Pandemik. Di antara aktiviti Majlis adalah seperti ucapan yang dirai mantan Pengarah, ucapan dari pengarah baru, tayangan video kenangan sepanjang perkhidmatan, penyampaian hadiah kenangan kepada yang dirai, jamuan makan, sesi begambar dan sesi nyanyian.

Dalam ucapan amanat akhir oleh mantan pengarah adalah walaupun dalam pekerjaan, sentiasa ada semangat untuk majukan diri dari segi menuntut ilmu baru untuk masa depan yang lebih baik. Mantan juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga Hospital Kota Marudu di atas kerjasama yang telah diberikan sepanjang berkhidmat bersama. Beliau juga memohon supaya kerjasama yang diberikan kepada beliau sama juga kepada Pengarah yang baru demi memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang.

Majlis berakhir pada jam 10.00 malam.

Disediakan Oleh: Pn. Rita Binti Amril



Mayilis Per  
Pengaruh

Dr. Lyda  
Ma





**mpisahan  
Hospital  
Marita M.  
rajin**







# LAWATAN TAPAK CADANGAN PENEMPATAN PERALATAN PERUBATAN MDCT HKM

*Tarikh : 08 Mac 2022*

*Kota Marudu : Rombongan daripada Bahagian Pembangunan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) telah mengadakan lawatan cadangan tapak untuk penempatan peralatan perubatan Multi Detector Computed Tomography (MDCT) di Hospital Kota Marudu. Turut serta dalam sesi lawatan tersebut adalah ketua pakar radiologi negeri sabah iaitu Dr Fatimah Hussien daripada Jabatan Radiologi Hospital Queen Elizabeth.*



*Penempatan MDCT di Hospital Kota Marudu dapat memberikan manfaat positif kepada penduduk Kota Marudu dan daerah yang berdekatan iaitu, Pitas, Kudat, Kota Belud dan Ranau. Pesakit yang memerlukan pemeriksaan MDCT tidak perlu lagi ke Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu untuk menjalani pemeriksaan imbasan tersebut. Ini akan mengurangkan masa menunggu pesakit untuk mendapatkan rawatan sekaligus menjimatkan kos yang ditanggung oleh pesakit sekiranya perlu ke Kota Kinabalu.*



*Sekiranya cadangan ini dapat direalisasikan amatlah memberi keuntungan kepada penduduk daerah Kota Marudu dan sekitarnya.*

*Disediakan Oleh: Pn. Mastura Nabilla Sabunar Abdullah*



## **BENCHMARKING DARI HOSPITAL RANAU KE UNIT RAWATAN HARIAN THALASSEMIA HOSPITAL KOTA MARUDU**



*Pada 11.3.2022 bersamaan hari Jumaat, satu kebanggaan dari warga HKM kerana telah menerima kunjungan daripada Hospital Ranau ke Unit Rawatan Harian Thalasemia. Tujuan lawatan berkenaan adalah untuk mempelajari pelaksanaan unit tersebut bagi merealisasikan pembukaan unit berkenaan di Hospital Ranau. Rombongan benchmarking daripada Hospital Ranau terdiri daripada seorang kakitangan daripada pelbagai kategori yang berkaitan iaitu Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi, Juruteknologi Makmal Perubatan dan 2 orang Jururawat. Semoga Hospital Ranau berjaya merealisasikan pembukaan Unit Rawatan Harian Thalasemia.*

*Disediakan Oleh: KJ Jovina Binti Jaikol*

Pihak ICT JKNS telah mengadakan lawatan naziran ke Hospital Kota Marudu pada 30hb Mei 2022 yang diketuai oleh Encik Osmund Agu selaku Ketua Seksyen Teknologi Maklumat JKNS dan disambut oleh Encik Joseph Tai Jern Cherng selaku Ketua Unit ICT HKM serta Puan Rita binti Amril selaku Ketua Unit Pengurusan.

Rombongan pasukan naziran ICT JKNS juga terdiri daripada anggota-anggota seperti berikut:

*Bahagian Unit Pusat Data, Rangkaian & Keselamatan ICT*

*Encik Iskandar bin Murin*

*Encik Primus Petrus*

*Bahagian Unit Inovasi & Latihan ICT*

*Puan Joespine Lasseh*

*Cik Izzah Shahirah binti Mohamad*

*Bahagian Unit Operasi & Penyelenggaraan ICT*

*Encik Pg. Mohd Shahrul Hisham bin Pg. Amir*

*Encik Zairiffadzuwan bin Azizis*

*Bahagian Pengurusan ICT*

*Puan Samariah binti Ebol*

*Cik Dayang Ida Syuhana binti Pg. Osman*

## LAWATAN PASUKAN NAZIRAN SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT JKNS KE HOSPITAL KOTA MARUDU

Tujuan lawatan naziran ICT JKNS adalah untuk memantau dan memastikan samada Hospital Kota Marudu memenuhi dari segi keperluan peralatan komputer, kelajuan rangkaian komputer yang mencukupi dan selamat serta pematuhan kepada dasar keselamatan ICT dan tatacara perolehan aset.

Selain itu, demonstrasi beberapa sistem dalaman Hospital Kota Marudu seperti Sistem Daftar & Discaj Pesakit Dalam, Sistem Temujanji Pesakit Luar dan Sistem Kecemasan telah ditunjukkan kepada pihak ICT JKNS.



*Disediakan Oleh: En. Joseph Tai Jern Cherng*



## **LAWATAN PENYELIAAN KETUA PERKHIDMATAN OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI, KETUA PERKHIDMATAN ANESTESIOLOGI DAN PEGAWAI BAHAGIAN PERUBATAN JKNS**

*Pada 18.04.2022 bermula dari 10:00 pagi – 2:00 petang Hospital Kota Marudu telah menerima lawatan penyeliaan oleh Ketua Perkhidmatan Obstetrik Dan Ginekologi Negeri Datuk Dr. Soon Ruey, Datin Tan Li Kuan Ketua Perkhidmatan Anestesiologi Negeri dan diikuti oleh Dr. Shim Jyh Ye Penolong Pengarah Perubatan, Dr. Nicolson Jacob Penolong Pengarah Perubatan, Dr Goh Shu Meng Penolong Pengarah Perubatan beserta rombongan yang lain.*



*Rombongan ini telah melawat Wad Bersalin dan Unit Dewan Bedah, untuk mengenal pasti keperluan sebagai persediaan untuk Hospital Kota Marudu menjadi Hospital Pakar Minor bagi Pantai Barat Utara.*

*Dalam lawatan ini Ketua Perkhidmatan Obstetrik Dan Ginekologi telah mempersetujui beberapa permohonan pembelian peralatan seperti Ultrasound Scan, katil bersalin dan telah mengarahkan mobilisasi 6 buah “Baby Cot” daripada Hospital Wanita Kanak-kanak Sabah ke Hospital Kota Marudu*

*Disamping itu untuk memastikan kesediaan Hospital Kota Marudu untuk menjadi Hospital Berpakar Minor serta menjalankan kes Pembedahan Kecemasan dan Elektif Obstetrik Dan Ginekologi.*



*Disediakan Oleh: KJ. Ruslina Samaron*

## GAMBAR AKTIVITI



*Pemberian Cenderahati kepada Pengarah Hospital*



*Melekatkan Lencana Icon Sempena Hari Jururawat di HDU*



*Melekatkan Lencana Icon Sempena Hari Jururawat di Sajian*



*Malam Mesra Jururawat di Restoran Singgah Hati*

## SAMBUTAN HARI KEJURURAWATAN HOSPITAL KOTA MARUDU TAHUN 2022

*Laungan tema sempena Hari Jururawat Sedunia yang disambut pada 12 Mei setiap tahun menyemarakkan lagi semangat jururawat khususnya di Hospital Kota Marudu untuk melepaskan dan melapangkan sedikit tekanan sepanjang bergelut dengan pandemik COVID\_19 . Setelah 2 tahun tidak melakukan sebarang aktiviti-aktiviti secara fizikal, Kelab Jururawat yang dinaungi oleh KPJH Katherine Yong dan AJK tertinggi merangka aktiviti untuk menyambut Hari Jururawat Peringkat Hospital.*



*Aktiviti telah dimulakan dengan acara sambutan perasmian secara maya yang telah dirasmikan oleh Presiden SANA ( Sabah Nurses Association ) Pn. Hajah Tumble Bt Ngadiran @ Tomblow pada 12 Mei 2022 jam 8.00 pagi. Objektif sambutan ialah menghargai serta mengenang jasa dan sumbangan jururawat yang bertugas di fasiliti kerajaan dan swasta dan memberi pengiktirafan kepada pasrah jururawat sebagai frontliner dalam memerangi wabak Covid-19. Seramai 30 orang jururawat berkumpul di Dewan Sri Posisang menghadiri program tersebut diantara aktiviti pada pagi itu ialah bacaan ikrar dan menyanyikan lagu Kebangsaan, Sabah Tanah Air ku dan Lagu SANA serta jururawat berkesempatan mendengar amanat yang disampaikan oleh Presiden yang juga pernah berkhidmat di Hospital Kota Marudu suatu ketika dulu. Setelah tamat program anjuran SANA, Kelab Jururawat berbesar hati menjemput Pengarah Hospital Kota Marudu Dr. Samson BD Mokuntil sama-sama merasmikan sambutan pada hari itu dimulai dengan acara memotong kek yang disumbangkan oleh Bank Kerjasama Rakyat selain daripada yang dibeli oleh kelab. Aktiviti pada petang tersebut disambung dengan kunjungan KPJH dan rombongan jururawat ke setiap unit bagi memberikan lencana ikon dan tema Hari Jururawat kepada beberapa kakitangan hospital.*

Pada 13 Mei 2022 sambutan Hari Jururawat Peringkat Hospital dimeriahkan lagi dengan aktiviti sukaneka bermula pada jam 2.30 petang dan di antara aktiviti yang berjaya dilaksanakan ialah Zumba yang telah diiringi oleh jurulatih dari luar dan mendapat sambutan yang baik dari semua jururawat yang terlibat. Selepas selesainya zumba beberapa sukaneka telah dibuat yang dianjurkan oleh setiap unit seperti yang telah dipersetujui dalam mesyuarat sebelum itu. Aktiviti telah tamat pada jam 5.30 petang.



*Di Antara Pemenang Sukaneka Sempena Hari Jururawat*

---

***Nurses: A Voice to Lead - Invest in Nursing and respect rights to secure global health***

---

### **MAJLIS MALAM MESRA JURURAWAT**



Pada malam 14 Mei 2022, Kelab Jururawat berjaya mengadakan Majlis Malam Mesra Jururawat. Dihadiri oleh Pengarah Hospital Dr. Samson BD Mokuntil sebagai Jemputan VIP yang setia bersama-sama dengan jururawat yang hadir hingga acara tamat pada malam tersebut. Antara acara yang dipersembahkan pada malam itu termasuk persembahan dari setiap unit antaranya tarian, sketsa dan nyanyian dan hadiah jururawat bertuah. Penyampaian hadiah bagi aktiviti-aktiviti sebelumnya dan acara kemuncak pada malam tersebut ialah pertandingan misteri iaitu Pakaian Terbaik, hadiah adalah sumbangan dari KPJH Katherine Yong. Acara berakhir pada jam 11.00 malam.

*Pemenang Misteri Baju Terbaik Sempena Hari Jururawat*

*Disediakan Oleh: KJ Cornelia William Matthew @ Mauren*



## LAWATAN KERJA PENGARAH PERKEMBANGAN PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA KE HKM



*Lawatan Kerja Pengarah Perkembangan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Fikri Bin Ujang dan rombongan Ke Hospital Kota Marudu pada 17.05.2022 bersamaan hari Isnin jam 10.00 pagi dan selesai pada jam 5.00 petang. Tempat taklimat diadakan di Bilik Gerakan Majlis Daerah Kota Marudu dan lawatan kerja ke Hospital Kota Marudu sejurus taklimat selesai.*

*Rombongan lawatan terdiri dari pegawai-pegawai Bahagian Perkembangan Perubatan KKM dan bersama pegawai-pegawai dari Bahagian Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah yang hadir bersama.*

*Lawatan Kerja ini bertujuan bagi membincangkan isu-isu berkaitan di hospital di antaranya, Hospital Kota Marudu, Hospital Tuaran, Hospital Beaufort dan Hospital Papar. Diantara Isu-isu yang berkaitan di hospital Kota Marudu adalah Menaiktaraf Computed Tomography (CT) Suite dan pembelian mesin CT Scan bagi ruangan sedia ada di Hospital Kota Marudu. Hospital Kota Marudu jadi pilihan kerana merupakan Lead kepada Hospital Kluster di antara Hospital Kota Marudu, Hospital Kudat dan Hospital Pitas.*

*Walaubagaimanapun, projek menaiktaraf ini untuk memudahkan perkhidmatan perubatan disampaikan dengan lebih efisien dengan mengurangkan masa dan kos menghantar pesakit ke hospital rujukan yang memerlukan CT Scan berpakar.*

*Disediakan Oleh: Pn. Rita Binti Amril*



## SAMBUKAN HARI RAYA HOSPITAL KOTA MARUDU TAHUN 2022

18 Mei 2022-Hospital Kota Marudu dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Islam Perubatan Sabah (PERKIPS) telah mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Sambutan ini diserikan dengan Majlis Jamuan dan ramah mesra bersama pihak Hospital, Sedafiat, Klinik dan Pejabat Kesihatan serta Klinik Pergigian Kota Marudu. Untuk memeriahkan lagi suasana sambutan Aidilfitri, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti pertandingan menganyam ketupat, nyanyian karaoke lagu-lagu Aidilfitri, cabutan pengunjung bertuah dan pilihan baju raya gempak lelaki dan wanita.

Kehadiran, komitmen dan kerjasama yang tinggi dari semua pihak terlibat telah memeriahkan suasana pada hari tersebut, semoga ia menjadi satu budaya kerja berpasukan yang positif untuk kecemerlangan dan kepuasan dalam melaksanakan tugas seharian.

Disediakan Oleh: Pn. Siti Rohanah Abd.Mahid

### GAMBAR AKTIVITI



*Jamuan Hari Raya*



*Jamuan Hari Raya*



*AJK Pelaksana Sambutan Hari Raya*



*Persembahan Lagu Hari Raya di antara Pn Nurul & En Willeze*

## GAMBAR AKTIVITI



*Pembersihan Rumah Kuarters Yang Kosong Untuk Mencegah Pembiakan Aedes*



*Barang-Barang Yang Tidak Digunakan Akan Disisihkan*



*Lori Dari Majlis Daerah Kota Marudu*



*Gotong Royong Bersama Penghuni*



## **PROGRAM BEBAS AEDES & GOTONG ROYONG PERDANA PERUMAHAN KERAJAAN HOSPITAL KOTA MARUDU TAHUN 2021**

*Program Bebas Aedes & Gotong Royong Perdana Perumahan Kerajaan Hospital Kota Marudu 2021 telah diadakan pada tarikh 15.10.2021 bersamaan hari Jumaat Anjuran bersama Jawatankuasa Perumahan Hospital Kota Marudu dan Pejabat Kesihatan Daerah Kota Marudu. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Dr Ramizah binti Yusof, Timbalan Pengarah bahagian Pengurusan.*

*Program telah berlangsung selama 2 jam 30 minit bermula pada jam 2.30 petang sehingga selesai pada jam 5 petang. Tempat program adalah di dataran Blok B. Peserta yang hadir dalam program ini adalah seramai 91 orang terdiri daripada Jawatankuasa perumahan, jemputan khas dari Pejabat Kesihatan Daerah Kota Marudu, penghuni kuarters serta keluarga, Sedafiat Kota Marudu dan pihak Majlis Daerah Kota Marudu.*

*Selain daripada aktiviti bergotong-royong, aktiviti seperti ceramah juga diadakan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang langkah pencegahan Aedes di kalangan penduduk rumah kerajaan ini. Ceramah telah disampaikan oleh En Daniel Gantul Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) U32 dari Pejabat Kawasan Daerah Kota Marudu yang bertajuk Pengenalan dan Pencegahan Aedes.*

*Pihak penganjur mengucapkan ribuan terima kasih kepada penaja dan semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung menjayakan program ini. Semoga dengan program ini dapat memupuk kesedaran membudayakan nilai-nilai murni di kalangan penghuni rumah kerajaan khususnya di Hospital Kota Marudu.*

*Disediakan Oleh: Pn. Rita Binti Amril*

# PENERIMAAN SIJIL AKTIVITI KUALITI HACCP & GMP



*Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah khasnya kepada anggota Unit Sajian Hospital Kota Marudu dan seluruh warga Hospital Kota Marudu kerana telah berjaya mendapatkan pengiktirafan pensijilan HACCP, GMP dan MeSTI selama tempoh tiga tahun bermula pada 24 Jun 2020 sehingga 11 Mei 2023. Kejayaan mendapatkan sijil HACCP ini merupakan salah satu penanda aras bahawa sistem jaminan keselamatan makanan yang disajikan oleh unit sajian mematuhi standard penyediaan makanan global.*

*Selain itu, Sistem HACCP berperanan untuk mengenalpasti, menilai dan mengawal bahaya yang signifikan kepada keselamatan makanan. Dalam erti kata yang lain, sijil ini adalah pengiktirafan memastikan kualiti makanan tersebut dihasilkan dengan betul dan selamat untuk dimakan oleh pelanggan.*

*Keberkesnan pengamalan sistem HACCP ini dapat dilihat daripada pencapaian hasil laporan*



*kontaminasi dalam sajian yang telah mencapai kosong peratus kontaminasi terhadap bekalan makanan siap dimakan, Kajian piagam pelanggan dan kajian kepuasan pelanggan terhadap makanan yang disediakan oleh unit sajian mencapai melebihi paras indicator yang telah ditetapkan.*

*Pengawasan pengamalan terhadap sistem GMP dan HACCP melalui audit dalaman unit, audit silang dan juga audit pematuan daripada pihak yang berkenaan dilaksanakan secara konsisten setiap tahun mengikut takwim yang telah dirancang. Latihan yang berterusan terus diberikan kepada semua anggota unit sajian bagi memantapkan lagi kualiti dan mutu perkhidmatan kepada pelanggan.*

*Akhir kata bagi menghargai pelanggan kami adalah diingatkan bahawa “Tubuh badan dan minda yang sihat bermula daripada pemakanan yang sihat dan selamat”. Terima kasih.*

*Disediakan Oleh: En. Hamadi Bin Kimjulis*

## GO FIT DON'T QUIT

“ GO FIT DON'T QUIT ” merupakan salah satu program di bawah kelolaan Unit Kejururawatan Hospital Kota Marudu dan mula dilaksanakan pada awal tahun 2019. Tujuan utama program ini dilaksanakan adalah melahirkan sekumpulan jururawat yang sihat dan cergas serta mengamalkan gaya hidup aktif ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan selaras dengan surat pekeliling KSU, KKM Bil 8/2017 bertarikh 11 April 2017 - Pelaksanaan KOSPEN PLUS dalam memperkasakan kakitangan dalam membudayakan amalan hidup sihat. Program ini juga adalah rentetan daripada hasil kajian oleh Bahagian Kejururawatan KKM pada 2015 menunjukkan 61% di kalangan jururawat mengalami masalah berat badan yang berlebihan atau lebih dikenali obesiti.



*Hari Pelancaran Go Fit Don't Quit Unit Kejururawatan HKM*

Masalah obesiti merupakan faktor utama penyumbang kepada penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti Diabetes Mellitus, Hipertensi, Hiperkolesterolemia, penyakit buah pinggang dan beberapa jenis kanser. Pada tahun 2011 Pertubuhan Kesihatan Dunia (World Health Organisation, WHO) melaporkan Malaysia merupakan negara yang tertinggi mempunyai masalah berat badan berlebihan dan obes dengan prevalen 44.2 %.

Tinjauan kesihatan dan morbiditi pada tahun 2015 menunjukkan 47.7 % iaitu hampir separuh rakyat Malaysia adalah berlebihan berat badan dan obes. Gaya hidup rakyat Malaysia yang sedentari dan amalan pemakanan tidak sihat merupakan faktor risiko kepada malah obesiti ini. Penggerak program “Go Fit Don't Quit” telah di ketuai oleh JT Jelny Okinting manakala Penyelia Jururawat Katherine Yong bertindak sebagai penasihat. Seramai 57 jururawat yang mempunyai masalah berat badan telah di senaraikan untuk mengikuti program ini dan juga dalam pemantauan berat badan.

*Aktiviti Luar Jururawat- Hiking Di  
Geopark Kg Tegudon Tandek*



Pelaksanaan “Go Fit Don’t Quit” ini telah dikukuhkan lagi dengan Hari pelancaran “Go Fit Don’t Quit” peringkat hospital pada 6 Februari 2020 yang telah di sempurnakan oleh Pengarah Hospital Dr. Lydiarita Marajin. Matlamat program ini telah dirangsangkan dengan pelbagai aktiviti yang telah di susun atur untuk dijalankan. Kursus Segak yang berpaksikan objektif khusus iaitu menyuntik inspirasi kepada warga jururawat untuk kekal sihat dan cergas serta mengamalkan gaya hidup aktif telah dijalankan pada 19 Februari 2020 bagi 29 peserta yang telah terpilih iaitu di kalangan jururawat yang mempunyai masalah berat badan yang berlebihan. Di samping itu antara aktiviti yang menjadi rutin program ini, ialah senaman khas seperti Aerobik, Zumba, Tabata, Aerodance. Aktiviti “outdoor” seperti “hiking” dan “jogging” juga turut dijalankan

bagi menarik minat para

peserta untuk mengamalkan gaya hidup aktif. Beberapa Intervensi berkaitan program ini yang dicadangkan seperti karnival sukan tradisional/rakyat dan berjalan 10,000 langkah serta aktiviti rutin tidak dapat dilaksanakan secara berterusan kepada warga jururawat terpilih untuk disaring dan di pantau mengikut kriteria secara khususnya, disebabkan pandemik COVID\_19 pada ketika itu. Pengelolaan program ini yang meliputi beberapa golongan sasaran di kalangan jururawat telah terjalin sikap keterbukaan di antara mereka untuk mengamalkan budaya hidup sihat. Namun



kewujudan problematika globalisasi pandemik COVID\_19 telah menghentikan dengan serta merta segala aktiviti yang telah di rancang dan kesedaran yang timbul untuk bergiat aktif mengamalkan hidup cergas dan sihat, di samping merealisasikan objektif program “Go Fit Don’t Quit”.



*Kursus Segak Siri 1*

